

Nasihat MB kepada pelajar baharu



Wakil pelajar Usim membaca ikrar dan amanat pada Majlis Amanat dan Lafaz Ikrar Pelajar Baharu Sarjana Muda Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di Dewan Besar Usim, kelmarin.

SEREMBAN – Generasi muda dinasihatkan supaya mengamalkan prinsip ingin berjaya dalam kehidupan bagi memastikan masa depan mereka terus terjamin.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, budaya ingin berjaya dalam hidup perlu diterapkan dalam diri seawal yang mungkin, agar golongan muda ini bersiap sedia untuk menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Katanya, selagi belum menikmati kejayaan sepenuhnya, seseorang itu dinasihatkan tidak terlalu selesa dengan apa jua dimiliki.

“Kita jangan terus hidup ‘ala kadar’ sahaja, selagi bernafas, kita perlu berusaha untuk menjadi yang terbaik.

“Saya yakin, dengan ilmu kita mampu mencapai segala impian sekali gus mengubah kehidupan

lama agar mampu menyumbang tenaga kepada bangsa, agama dan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Amanat dan Lafaz Ikrar pelajar Baharu Sarjana Muda Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di Dewan Besar Usim, kelmarin.

Turut serta Pengerusi Lembaga Pengarah Usim, Profesor Emeritus Tan Sri Dr Syukur Hussain, Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad dan Timbalan Canselor Usim, Profesor Datuk Mohd Hasim Dolah.

Pengambilan bagi sesi 2014/2015 ini sebanyak 24,867 permohonan yang diterima, untuk mengikuti pengajian dalam 25 program pengajian peringkat Sarjana Muda, dan daripada jumlah tersebut, hanya 2,134 pelajar sahaja

yang diterima.

Sementara itu, menurut Musa, paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli yang diperkenalkan oleh Usim ini bukan sahaja berupaya melahirkan insan yang berilmu dan berkemahiran, bahkan merupakan satu usaha untuk mentransformasikan generasi yang berkualiti.

“Bagi memastikan Usim terus menjadi sebuah universiti yang disegani di peringkat tempatan dan global, Usim akan berusaha memperkukuhkan serta mengangkat reputasinya sebagai pelopor kepada pengajian dan penyelidikan berasaskan Sains Islam,” katanya.

Pada program itu juga, Mohamad melancarkan kempen #iloveUsim yang akan disebarkan melalui laman-laman sosial seperti *Tweeter*, *Facebook*, *Instagram* dan lain-lain.